



Lambang kebanggaan

► Martabatkan tradisi, reka baju inspirasi etnik Borneo

KEPELBAGAIAN etnik di Sabah sudah pasti dapat menghasilkan pelbagai corak etnik sebagai lambang identiti kebanggaan suku masing-masing agar mudah dikenali.

Justeru, atas kepelbagaian itulah, pemilik perniagaan jenama Trusted Shark, Mohamad Nazri K Hamid, 33, mengambil inspirasi daripada corak-corak ini untuk menghiasi pakaian rekaannya yang mempunyai ramai peminat.

"Kepakaran kami sebenarnya adalah membuat rekaan dan kami membuat corak istimewa untuk mereka yang inginkan identiti yang berbeza daripada orang lain.

"Rekaan yang kami hasilkan adalah lebih kepada identiti di mana corak etnik ini lebih kepada Sabahan dan Borneo. Ketika saya memikirkan rekaan yang melambangkan Sabah, saya mencari motif-motif inspirasi Sabahan daripada kaum-kaum yang ada di sini," jelasnya.

Kata Nazri, kepelbagaian etnik di Sabah menghasilkan pelbagai motif yang sangat unik, namun baju-baju tradisi yang sedia ada biasanya menggunakan material baldu yang tebal dan panas.

Tambahnya, baju-baju tradisi itu hanya akan digunakan di musim perayaan dan majlis tertentu. Oleh itu, dia mengambil corak berkenaan

☞ Kepakaran kami sebenarnya adalah membuat rekaan dan kami membuat corak istimewa untuk mereka yang inginkan identiti yang berbeza daripada orang lain. Rekaan yang kami hasilkan adalah lebih kepada identiti di mana corak etnik ini lebih kepada Sabahan dan Borneo. Ketika saya memikirkan rekaan yang melambangkan Sabah, saya mencari motif-motif inspirasi Sabahan daripada kaum-kaum yang ada di sini. "



EWON ketika melawat gerai pameran Nazri.

dan direka di atas fabrik yang sesuai untuk dipakai seharian.

"Kita di sini menerima ramai pelancong setiap hari, jadi misi saya ialah untuk memartabatkan budaya Sabah kepada pelancong dan golongan muda supaya mereka faham dan bangga bahawa tradisi nenek moyang mereka sangat unik.

"Ketika sambutan Kaamatan yang lepas, memang ramai golongan muda yang beli, rata-rata berumur daripada 18 hingga 35 tahun, manakala yang berusia pula beli untuk di pakai sekeluarga pada Kaamatan.

"Rekaan yang mendapat

banyak permintaan ialah Lotud dan Penampang, permintaan yang luar biasa ini dapat dilihat apabila stok baharu tiba, ia akan habis terjual dalam tempoh dua hari," katanya.

Harapannya, rekaan etnik itu dapat memasuki pasaran antarabangsa terutamanya dari segi pelancong kerana boleh dijadikan sebagai cenderamata kepada mereka bagi memartabatkan rekaan budaya Sabah

supaya lebih dikenali. Nazri mengakui tidak senang untuk berjaya kerana pelbagai cabaran, suka dan duka yang terpaksa diharunginya semenjak berjinak dengan dunia perniagaan pada 2013.

Bermula dengan berniaga produk import di atas talian, dia bijak menyimpan keuntungan jualan untuk memulakan produk sendiri memandangkan ketika itu permintaan untuk pakaian sukan agak baik.



ANTARA pelanggan yang singgah di gerai pameran Nazri.



NAZRI bersama produk rekaan kebanggaannya.

Latarbelakang beliau yang pernah menjadi pemain dan pengadil ragbi peringkat asia, dia faham perlunya produk yang berkualiti hingga nekad membuka perniagaan sendiri kerana tidak berpus hati dengan pembelian yang mahal daripada luar negara.

"Menggunakan modal sendiri di awal berniaga, saya diuji dengan produk tidak berkualiti yang dibeli dari negara luar, saya hampir terduduk kerana semua simpanan saya sudah dipakai untuk pembelian itu.

"Tetapi saya kuatkan semangat dan teruskan

mencari kilang yang lain kerana tidak ingin menghampakan rakan-rakan dan pelanggan, sehinggalah menemui kilang yang menepati apa yang saya mahukan.

"Ini kerana, untuk pakaian sukan yang selesa, mestilah menggunakan fabrik dan jahitan yang baik kerana ia memainkan peranan yang penting kepada kualiti dan ketahanan.

"Rakan-rakan dan pelanggan memang tahu saya sangat mementingkan kualiti tetapi dengan tawaran harga yang rendah dan Alhamdulillah permintaan semakin meningkat dan saya mendapat sokongan daripada mereka," ujarnya.

Nazri ditemui ketika membuat pameran produk jenamanya semasa Pesta Kaamatan 2018 yang di jalankan di Kampung Tambulion Ulu pada Sabtu.

Dalam pada itu, Menteri Pembangunan Luar Bandar Ewon Benedick berbangga di atas inisiatif yang dimulakan oleh anak Sabah bagi menghargai identiti warisan budaya negeri.

"Beliau telah memperkenalkan satu pakaian yang bercirikan etnik kita di Sabah dan saya sendiri membeli baju ini beberapa hari yang lepas melalui rakan.

"Sebagai tanda sokongan kepada beliau, saya

memberitahunya yang saya memerlukan baju etnik yang berkolar untuk dipakai semasa majlis-majlis rasmi.

"Memandangkan pada tahun hadapan pejabat Adun dan KPLB akan mengaturkan penganjuran Kaamatan mengikut mukim di Kadamaian ini, jadi kita boleh belkakan kepada jawatankuasa penganjur di 16 mukim di DUN ini," katanya.

Ewon juga positif bahawa corak etnik Sabah boleh pergi jauh kerana masyarakat seluruh dunia sangat menghargai identiti etnik yang dimiliki oleh setiap kaum di mana pun negara.

"Kalau kita boleh mulakan di peringkat kita sendiri, tidak ada sebab ia tidak boleh pergi jauh daripada ruang lingkup sempadan Sabah ini.

"Mungkin ada rakyat Sabah di Rusia yang sedang membawa bendera Sabah sambil menonton perlawanan bola sepak piala dunia, dan kalau dia pakai baju ini sambil menonton, dia sudah mempromosi warisan budaya.

"Saya amat pasti kalau kita boleh membeli jeans rekaan daripada luar negara, tidak ada sebabnya kenapa rakan-rakan kita dari pada negara lain boleh membeli baju yang rekaannya berlatar belakangkan etnik kita, ini sesuatu yang sangat positif," katanya. - *Artikel Jabatan Penerangan*